



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 29 JULAI 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	POLIS KESAN MOHAMED IMRAN BANTU SIASATAN KEMATIAN ISTERI	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kesan-mohamed-imran-bantu-siasatan-kematian-isteri-430079	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	EKONOMI MADANI HARAPAN RAKYAT TINGKAT KUALITI HIDUP	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270499/suara-sinar/analisis-sinar/ekonomi-madani-harapan-rakyat-tingkat-kualiti-hidup	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	BUDAK 11 TAHUN MAUT BUAT LAPORAN POLIS PALSU IKUT TREND 'PRANK' DALAM MEDIA	
	https://www.bharian.com.my/dunia/amerika/2023/07/1132349/budak-11-tahun-buat-laporan-polis-palsu-ikut-trend-prank-dalam-media	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	'PHONE SCAM': WARGA EMAS RUGI RM636,000	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/07/28/phone-scam-warga-emas-rugi-rm636000	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SEDIA KHIDMAT CUCI KARPET DEMI KELANGSUNGAN HIDUP	
	https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1132372/sedia-khidmat-cuci-karpet-demi-kelangsungan-hidup	BHARIAN.COM.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
6	2 WARGA EMAS MAUT, 2 KERETA BERTEMBUNG BAS EKPRES	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/28/2-warga-emas-maut-2-kereta-bertembung-bas-ekspres/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/28/dua-warga-emas-maut-kereta-bertembung-bas-ekspres/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992626/2-warga-emas-maut-kereta-rempuh-bas-ekspres	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/270529/berita/semasa/dua-warga-emas-maut-nahas-tiga-kenderaan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-warga-emas-maut-nahas-bas-ekspres-dua-kereta-430080	ASTROAWANI.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/dua-warga-emas-maut-kereta-bertembung-bas-ekspres/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=uq4b5L5sJ_c	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	TAMAN PUTERI BUKIT BESI USING TIDAK SELAMAT	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/taman-puteri-bukit-besi-usang-tidak-selamat/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
8	WARGA EMAS JADI 'ULAT' DI KLIA2 DITAHAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270539/berita/semasa/warga-emas-jadi-ulat-di-klia-2-ditahan	SINARHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
9	'ARWAH TAK PERNAH BERCERITA SOAL RUMAH TANGGANYA'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992652/arwah-tak-pernah-bercerita-soal-rumah-tangganya	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	YAYASAN ROSE MENANG AUGERAH DI PERINGKAT GLOBAL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270575/berita/nasional/yayasan-rose-menang-anugerah-di-peringkat-global	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	GOLONGAN M40 TIDAK DIABAIKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/270563/berita/nasional/golongan-m40-tidak-diabaikan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
12	MAHKAMAH: 'APA SALAH AIMAN, KENAPA DIA ZALIMI' – IBU MANGSA	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/28/mahkamah-apa-salah-aiman-kenapa-dia-zalimi-ibu-mangsa/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	PAKEJ RAHMAH JALUR LEBAR RM69 SEBULAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132449/pakej-rahmah-jalur-lebar-rm69-sebulan	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



UKK KPWKM

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
14	KASIH ANAK SANGGUP BERHENTI KERJA JAGA IBU KENA STROK	
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/28/kasih-anak-sanggup-berhenti-kerja-jaga-ibu-kena-strok/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	STARBUCKS MALAYSIA CELEBRATES DOUBLE GLORY	
	https://www.thesundaily.my/style-life/starbucks-malaysia-celebrates-double-glory-FL11294122	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
16	MALAKOFF, ALAM FLORA TERIMA PENGIKTIRAFAN INDUSTRI	
	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2023/07/1132421/malakoff-alam-flora-terima-pengiktirafan-industri	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	BAYI LELAKI 6 BULAN MAUT DALAM JAGAAN PENGASUH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-lelaki-6-bulan-maut-dalam-jagaan-pengasuh/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
18	WIFE WHO WAS ALLEGEDLY BEATEN TO DEATH BY HUSBAND NEVER SHARED HER DOMESTIC SITUATION	
	https://says.com/my/news/wife-who-was-allegedly-beaten-to-death-by-husband-never-shared-her-domestic-situation	SAYS.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
19	SUAMI DIDAKWA BERSUBAHAT BERSAMA TUKANG URUT LAKUKAN SEKS LUAR TABII DENGAN ISTERI	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992756/suami-didakwa-bersubahat-bersama-tukang-urut-lakukan-seks-luar-tabii-dengan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	MEDIA PRIMA DIIKTIRAF	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992612/media-prima-diiktiraf	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
21	GOVT TARGETS 60 PER CENT WOMEN'S PARTICIPATION IN WORKFORCE BY NEXT YEAR	
	https://www.sinardaily.my/article/202574/malaysia/national/govt-targets-60-per-cent-womens-participation-in-workforce-by-next-year	SINARDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	YBR RANGKUL ANUGERAH FOUNDATION OF THE YEAR	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/07/992587/ybr-rangkul-anugerah-foundation-year	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	JOHOR ANJUR PROGRAM LATIHAN PASUKAN SOKONGAN KANAK-KANAK	
	https://malaysiagazette.com/2023/07/28/johor-anjur-program-latihan-pasukan-sokongan-kanak-kanak/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	WANITA DISIASAT KELUAR KATA-KATA KESAT KEPADA ANGGOTA POLIS	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-disiasat-keluar-katakata-kesat-kepada-anggota-polis-430215	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/270651/berita/semasa/model-tidak-puas-hati-disaman-polis	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992790/model-mengamuk-hambur-kata-kesat-terhadap-polis	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	SKUASY: MALAYSIA KE SEPARUH AKHIR BERPASUKAN REMAJA WANITA DUNIA	
	https://www.astroawani.com/berita-sukan/skuasy-malaysia-ke-separuh-akhir-berpasukan-remaja-wanita-dunia-430057	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
26	MB HASRAT PESTA BUKU KANAK-KANAK JADI PUSAT RUJUKAN DUNIA	
	https://selangorkini.my/2023/07/mb-hasrat-pesta-buku-kanak-kanak-jadi-pusat-rujukan-dunia/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	UMS ANJUR PROGRAM PEMANTAPAN KESEDARAN IBU BAPA TERHADAP HAK KANAK-KANAK	
	https://wartaoriental.com/2023/07/28/ums-anjur-program-pemantapan-kesedaran-ibu-bapa-terhadap-hak-kanak-kanak/	WARTAORIENTAL.COM



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

29/7/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
28	'SAYA LIHAT BAYI KAMI DIBERI BANTUAN PERNAFASAN DALAM BUT KERETA'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/992682/saya-lihat-bayi-kami-diberi-bantuan-pernafasan-dalam-kereta	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1132534/saya-nampak-bayi-dalam-kereta-rakan-pengasuh-buat-bantuan-pernafasan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/270591/berita/semasa/gesa-siasatan-kematian-bayi-disegerakan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-lelaki-6-bulan-maut-dalam-jagaan-pengasuh/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/07/28/bayi-6-bulan-mati-dalam-jagaan-pengasuh/	KOSMO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=wnOUTPq4jCk	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=-B8Oll5bvCk	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=A8arCDMddKY	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
29	KAKA AZRAFF JAGA BAYI SENDIRI, GUSAR KES DERA DI PUSAT JAGAAN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kaka-azraff-jaga-bayi-sendiri-gusar-kes-dera-di-pusat-jagaan/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : 2 WARGA EMAS MAUT TERSEPIT DALAM KERETA

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

2 warga emas maut tersepit dalam kereta

Mangsa meninggal di lokasi dalam nahas babit dua kenderaan dan bas ekspres

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Manjung: Dua warga emas maut dalam nahas sebuah bas ekspres dan dua kereta di Taman Nesa, Sitiawan, di sini, pagi semalam.

Mangsa, Yeong Teo Kong, 79 dan Yong Mooi Mooi, 68, maut akibat tersepit di dalam Proton Persona yang dinaiki mereka.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi JBPM Negeri Perak, Penguasa Kanan Bomba I Sa-barodzi Nor Ahmad, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 6.15 pagi sebelum anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sitiawan bergegas ke lokasi kejadian.

Bas bawa 12 penumpang

Beliau berkata, sebaik tiba di lokasi kejadian, kemalangan didapati membabitkan bas ekspres dinaiki 12 penumpang, Proton Persona dan Proton Saga.

"Dua warga emas menaiki Proton Persona disahkan maut di lokasi kejadian.

"Pemandu Proton Saga serta pemandu bas ekspres dan semua 12 penumpang bas berkenaan tidak mengalami kecederaan," katanya dalam kenyataannya, semalam.

Katanya, operasi ditamatkan 7.33 pagi.



Kenderaan dinaiki dua warga emas remuk dalam nahas babit bas ekspres dan sebuah kenderaan lain di Taman Nesa, Sitiawan. (Foto ihsan bomba)



TAJUK : 15 RUMAH DI DUA KAMPUNG ROSAK DIBADAI PUTING BELIUNG

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

15 rumah di dua kampung rosak dibadai puting beliung

Alor Gajah: Sekurang-kurangnya 15 rumah di Kampung Pasir Gembur dan Balik Batu di Tanjung Bidara, dekat sini, rosak dibadai puting beliung sekitar jam 7 pagi semalam.

Bencana itu turut menyebabkan bumbung sebuah rumah tercabut dan diterbangkan angin sejauh beberapa meter yang rakaman video mengenai tular di media sosial.

Pegawai Pertahanan Awam Unit Masjid Tanah (UMT), Lefenan (PA) Shahrul Riza Saiful Bahry ketika dihubungi, berkata pihaknya menerima maklumat daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah berhubung kejadian pada jam 9 pagi.

Menurutnya, sepasukan tujuh anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) dikejarkan ke lokasi bagi memberi bantuan.

“Setakat bancia awal, 10 rumah di Kampung Balik Balik Batu dan lima lagi di Kampung Pasir Gembur mengalami kerosakan bumbung.

“Anggota APM turut memberi bantuan membabitkan kerja membersihkan sisa bumbung yang tersangkut di rumah penduduk,” katanya ketika dihubungi.

Shahrul Riza berkata, pihaknya juga difahamkan, setakat ini tiada penduduk mengalami kecederaan akibat insiden berkenaan.



Anggota APM membantu membersihkan kawasan perumahan Kampung Pasir Gembur dan Balik Batu yang rosak dibadai puting beliung, semalam.

(Foto ihsan APM UMT)



TAJUK : SKIM PERUBATAN MADANI INISIATIF RINTIS BANTU

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Skim Perubatan MADANI inisiatif rintis bantu golongan B40

Perkhidmatan, rawatan di klinik perubatan swasta kini boleh dinikmati secara percuma

Kuala Lumpur: Perkhidmatan dan rawatan di klinik perubatan am swasta (GP) kini boleh dinikmati golongan B40 secara percuma melalui satu lagi inisiatif rintis kerajaan, dinamakan Skim Perubatan MADANI.

Skim berkenaan kali pertama diumumkan Kerajaan Perpaduan dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada Februari lalu.

Mulai 15 Jun lalu, kemudahan itu ditawarkan secara automatik kepada semua penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Secara keseluruhan, inisiatif itu dijangka memberi manfaat kepada 700,000 isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM100 juta.

Ini adalah sebahagian daripada komitmen kerajaan bagi membantu golongan B40 yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan rawatan perubatan di klinik swasta.

Pada masa sama, langkah berkenaan bermatlamat meringankan beban Kementerian Kesihatan (KKM) yang berdepan pelbagai situasi meruncing termasuk kesesakan di hospital

dan klinik kerajaan, yang mengakibatkan tempoh menunggu untuk mendapatkan rawatan menjadi lebih panjang dan menyebabkan ketidakselesaan kepada pesakit.

Penerima STR yang sebelum ini bergantung kepada klinik kesihatan kerajaan, kini diberi pilihan bagi perkhidmatan penjagaan primer akut di klinik swasta yang berdaftar.

Penerima manfaat boleh mendapatkan rawatan percuma selama beberapa kali sehingga peruntukan bagi setiap isi rumah habis digunakan.

Peruntukan ikut kategori

Prapendaftaran untuk menggunakan kemudahan ini cukup mudah.

Penerima STR dan tanggungan mereka hanya perlu membawa kad pengenalan ketika mendapatkan rawatan di GP yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI.

Peruntukan bagi setiap isi rumah adalah berbeza mengikut kategori masing-masing. Bagi setiap isi rumah berkeluarga, jumlah rawatan secara percuma sehingga akhir tahun ini dihadkan sehingga RM250, warga emas tanpa pasangan sebanyak RM125 dan bujang (RM75).

Perkhidmatan percuma ditawarkan di klinik swasta terpilih ini termasuk konsultasi, pemeriksaan, ubat-ubatan, prosedur dan rujukan yang akan diberikan.

Setakat ini, lebih daripada 500 pesakit dalam kalangan penerima STR telah mendapat manfaat menerusi skim ini.

Antara rawatan pesakit luar bagi kes akut ditawarkan ialah rawatan untuk demam selsema, cirit-birit, muntah, terseliuh, sakit kepala dan trauma ringan.

Pelaksanaan skim ini, ProtectHealth menasaskan sebanyak 700 GP akan berdaftar sebagai klinik panel Skim Perubatan MADANI menjelang akhir September. Pendaftaran masih dibuka kepada GP yang berdaftar di bawah Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAP).

Sehingga kini, sebanyak empat sesi penerangan dan latihan kepada GP telah dijalankan dan dijangka sebanyak 10 sesi lagi akan dilaksanakan bagi mencapai sasaran GP yang berdaftar untuk skim ini.

Buat masa ini, perkhidmatan Skim Perubatan MADANI yang ditawarkan secara percuma sehingga 31 Disember sudah diwujudkan di 10 daerah, memabatkan tujuh negeri iaitu di Kuala Lumpur, empat daerah di Selangor iaitu Gombak, Hulu Langat, Klang dan Petaling, Timur Laut (Pulau Pinang), Johor Bahru (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

Maklumat lanjut mengenai Skim Perubatan MADANI, termasuk semakan kelayakan dan senarai klinik panel boleh didapati di laman sesawang ProtectHealth.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani atau hubungi 03-8687 2525.

Bagi mendapatkan maklumat mengenai inisiatif lain di bawah Belanjawan 2023, layari belanjawan.mof.gov.my/manfaat.



Penerima STR dan tanggungan hanya perlu membawa kad pengenalan untuk prapendaftaran bagi mendapatkan rawatan di GP yang berdaftar di bawah Skim Perubatan MADANI.

SKIM PERUBATAN MADANI

Skim Perubatan MADANI merupakan satu inisiatif rintis yang diwujudkan bagi mengatasi isu kesesakan pesakit di kemudahan kesihatan kerajaan.

Skim ini akan menampung keperluan kesihatan golongan B40 untuk mendapatkan perkhidmatan penjagaan primer akut (rawatan pesakit luar kes-kes akut) daripada pengamal perubatan swasta umum (GP) yang berdaftar.

Peruntukan RM100 juta menerusi Belanjawan 2023

Sasaran Memanfaatkan 700 ribu ahli isi rumah B40

Bermula 15 Jun 2023

FASA RINTIS SKIM PERUBATAN MADANI

- Johor Bahru, Johor
- Kuala Lumpur
- Klang, Selangor
- Petaling, Selangor
- Hulu Langat, Selangor
- Gombak, Selangor
- Kinta, Perak
- Timur Laut, Pulau Pinang
- Kuching, Sarawak
- Kota Kinabalu, Sabah

KELAYAKAN SKIM PERUBATAN MADANI

- ✓ Penerima Sumbangan Tunai Rahmah
- ✓ Kelayakan adalah secara automatik
- ✓ Tidak menerima mana-mana manfaat yang seumpama Skim ini daripada mana-mana skim majikan, Kerajaan Negeri dan agensi perubatan lain

MANFAAT RAWATAN PERCUMA SKIM PERUBATAN MADANI

Untuk pesakit berdaftar: **RM250** (Keluarga berbilang orang), **RM125** (Keluarga tunggal), **RM75** (Bujang)


RAWATAN PESAKIT LUAR KES-KES AKUT

- Demam dan selsema
- Cirit birit dan muntah
- Terseliuh
- Sakit kepala
- Trauma ringan dan lain-lain

Perkhidmatan Skim Perubatan MADANI hanya boleh diakses melalui aplikasi ProtectHealth. Untuk maklumat lanjut, hubungi 03-8687 2525 atau lawati www.protecthealth.com.my/skimperubatanmadani atau spm@protecthealth.com.my

Rawatan percuma Skim Perubatan MADANI inisiatif kerajaan bagi menampung keperluan kesihatan golongan B40.





TAJUK : 'KESALAHAN BERAT'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

'KESALAHAN BERAT'

Pekerja utiliti didakwa subahat dengan tukang urut lakukan seks luar tabii terhadap isterinya

Oleh Suraya Roslan
[surayaroslan@mediapri-
ma.com.my](mailto:surayaroslan@mediapri-
ma.com.my)

Kuala Lumpur

Seorang pekerja utiliti didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan bersubahat dengan seorang tukang urut untuk melakukan seks luar tabii terhadap isterinya, dua minggu lalu.

Bagaimanapun, tertuduh mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Siti Aminah Ghazali.

"Faham, tidak (mengaku bersalah)," katanya.

Mengikut pertuduhan, lelaki berusia 41 tahun itu didakwa dengan niat bersubahat dan mengarahkan bersama-sama seorang lelaki memaksa isterinya berusia 40 tahun untuk melakukan perbuatan seks luar tabii dengan memasukkan jari ke dalam kemaluan tanpa kebenaran mangsa.

Kesalahan itu dilakukan di sebuah kondominium di Sentul antara jam 8.30 malam hingga 10 malam pada 13 Julai lalu.

Lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 107 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 377CA kanun sama.

Jika sabit kesalahan bapa tiga anak itu boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun serta boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nidzuwan Abd Latip manakala tertuduh diwakili peguam Ashraf Fahmi Abdul

Aziz.

Terdahulu, Nidzuwan tidak menawarkan jaminan kerana tertuduh melakukan kesalahan berat selain mempunyai hubungan dengan mangsa iaitu suami isteri.

"Tertuduh adalah suami kepada mangsa tetapi bertindak tidak sepatutnya kepada isteri, pelaku (tukang urut) itu telah dituduh di mahkamah sesyen yang lain hari ini (semalam) dan diberikan jaminan.

"Bagaimanapun jika jaminan ditawarkan saya cadangkan RM50,000 dengan seorang penjamin tempatan dengan syarat tambahan tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan lain sehingga kes selesai," katanya.

Ashraf Fahmi memohon supaya wang jaminan dikurangkan dan tidak membebaskan tertuduh.

"Anak guam juga akan mematuhi syarat tambahan dan tidak akan mengganggu saksi pendakwaan serta isterinya," katanya.

Siti Aminah membenarkan tertuduh dijamin RM20,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan iaitu tertuduh perlu melapor diri di balai polis terdekat serta tidak mengganggu mangsa serta saksi pendakwaan.

Mahkamah menetapkan 15 September depan untuk sebutan semula kes.

Sementara itu, di mahkamah sesyen berasingan, tukang urut yang sama mengaku tidak bersalah atas tuduhan melakukan perhubungan seks dengan wanita sama dengan memasukkan jari dalam kemaluan mangsa

tanpa kebenaran.

Tertuduh, Muhamad Khairul Mustakim Ismail, 42, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Hakim Norina Zainol.

Kesalahan itu dilakukan di tempat, masa dan tarikh yang sama.

Oleh itu, bapa seorang anak itu didakwa mengikut Seksyen 377CA Kanun Keseksaan yang boleh dihukum penjara sehingga 30 tahun serta boleh disebat, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Nidzuwan juga tidak mencadangkan jaminan berikutan kesalahan dilakukan tertuduh adalah berat, bagaimanapun mencadangkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin dan tidak mengganggu mangsa.

Tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Nicholes Cheoh yang memohon jaminan dikurangkan bawah RM10,000.

"Anak guam saya bekerja sebagai tukang urut, sudah bercerai dan menanggung seorang anak.

"Tawaran jaminan dicadangkan terlalu tinggi dan di luar kemampuan tertuduh, saya mohon jaminan rendah diberikan selain anak guam akan akur untuk tidak mengganggu mangsa serta melaporkan diri di balai polis terdekat," katanya.

Mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Norina membenarkan tertuduh diikat jamin RM20,000 dengan seorang penjamin tempatan dan menetapkan 5 September ini untuk sebutan kes.



TAJUK : 'KUNJUNGAN INI KURANGKAN SAKIT, RASA DIHARGAI'

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Kebajikan pengamal media terus diberi perhatian apabila dua wartawan veteran iaitu Fauziah Abd Samad, 68, dan Fauziah Raof, 79, menerima sumbangan menerusi inisiatif Tabung Kasih@Hawana, kelmarin.

Penyerahan sumbangan tersebut disempurnakan Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Nur-ul Afida Kamaludin dan Timbalan Ketua Pengarang Perkhidmatan Berita Ekonomi Bernama Arul Rajoo Durar Raj di kediaman kedua-dua wartawan veteran berkenaan di sini.

Tabung Kasih@Hawana merupakan inisiatif Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) yang dilaksana menerusi Bernama sebagai usaha berterusan membantu komuniti media yang berdepan kesukaran dan cabaran hidup.

Fauziah berkata, beliau memulakan kerjaya wartawan pada 1972 dan menimba pengalaman di pelbagai akhbar, televisyen serta majalah seperti Radio Television Malaysia (RTM), Berita Harian, The New Straits Times dan The Malay Mail, selain pernah menulis puluhan skrip dan berlakon drama.

"Saya bangga dengan wartawan sekarang kerana pelbagai kejayaan dicapai mereka berbanding dengan kami yang dulu perlu belajar dari bawah, bekerja sambil belajar, tapi sekarang ada pendidikan formal (media) di universiti," katanya.

Fauziah turut menzahirkan penghargaan atas inisiatif Tabung Kasih@Hawana dan berharap ia diteruskan supaya lebih ramai wartawan veteran dijejaki dan mendapat manfaat.

"Terima kasih atas sumbangan ini. Walaupun sudah lama meninggalkan bidangewartawanan, masih ada yang mengingati saya," katanya yang menghidap kencing manis sejak 11 tahun lalu serta masalah sendi yang menyukarkan pergerakan.

Sementara itu, Fauziah Raof berkata, walaupun tidak aktif sebagai wartawan, semangat dan kecintaan beliau dalam bidang itu terbawa-bawa hingga hari ini.

"Sebagai contoh, apabila ada kunjungan pelawat seperti perdana menteri dari luar negara ke Malaysia, saya bertanya dengan kawan bagi



ARUL Rajoo (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Fauziah Raof (tengah) pada program Ziarah Tabung Kasih Hawana.

mendapatkan maklumat kerana ia menjadi kebiasaan sejak dahulu," katanya.

Selain lebih 20 tahun sebagai wartawan di Utusan Malaysia, beliau turut menjadi perintis dan wanita pertama di negara ini yang menerbitkan akhbar seperti Mingguan Famili, Pentas Dunia dan majalah Hawa sekitar 80-an.

Fauziah berkata, kemahirannya menguasai beberapa bahasa asing seperti bahasa Arab dan Perancis, banyak membantunya dalam membuat temu ramah dengan kenamaan asing yang datang ke Malaysia dan turut berpeluang membuat liputan ke luar negara.

Dalam pada itu, Nur-ul Afida berkata, sejak Tabung

INISIATIF TABUNG KASIH@HAWANA

'Kunjungan ini kurangkan sakit, rasa dihargai'

Kasih@Hawana dilancarkan pada Mei lalu, 14 bekas wartawan menerima sumbangan wang tunai dan keperluan harian yang dipertanggungjawabkan KKD.

"Kami mengharapkan persatuan media lain dapat menyantuni dan memberikan sumbangan kepada wartawan veteran yang memerlukan. Dalam keadaan mereka yang uzur, kami percaya kunjungan seperti ini mengurangkan rasa sakit dan lebih dihargai," katanya. - Bernama



“Walaupun sudah lama tinggal bidangewartawanan, masih ada yang ingat saya”
Fauziah



TAJUK : 2 WARGA EMAS MAUT KERETA DIREMPUH DUA KENDERAAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



KEADAAN kereta yang dinaiki dua warga emas yang terbabit nahas dengan bas ekspres dan Proton Saga di Taman Nesa Sitiawan.

2 warga emas maut kereta dirempuh dua kenderaan

Manjung: Dua warga emas meninggal dunia selepas Proton Persona dinaiki terbabit kemalangan dengan sebuah bas ekspres dan sebuah lagi kereta di Taman Nesa Sitiawan di sini, pagi semalam.

Mangsa, Yeong Teo Kong, 79, dan Yong Mooi Mooi, 68, tersepit dalam Proton Persona itu dan disahkan meninggal dunia di lokasi.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Negeri Perak Penguasa Kanan Bomba I Sabarodzi Nor Ahmad berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan jam 6.15 pagi sebelum anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sitia-



KEADAAN bas ekspres di lokasi kejadian.


wan dikerah ke lokasi.

“Kemalangan membabitkan bas ekspres dinaiki 12 penumpang bersama seorang pemandu serta Proton Saga dipandu seorang lelaki.

“Kami mengeluarkan mangsa tersepit dengan

menggunakan peralatan khas dan menyerahkan mangsa kepada polis.

“Pemandu Proton Saga berusia 32 tahun, pemandu bas ekspres dan semua 12 penumpang bas ekspres tidak cedera,” katanya.



TAJUK : 9 SELEKUARGA BERTEDUH EMPAT BULAN BAWAH KHEMAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 22

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



MOHD Kamal menunjukkan khemah yang didiaminya bersama lapan ahli keluarga lain selepas rumahnya terbakar. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI

9 sekeluarga berteduh empat bulan bawah khemah

Muar: Jika tiada pilihan, Mohd Kamal Rosdi, 47, mungkin memohon untuk bertemu Tunku Mahkota Johor (TMJ) untuk mengadu nasib selepas terpaksa tinggal di bawah khemah bersama lapan ahli keluarga sejak empat bulan lalu.

"Sampai bila kami sekeluarga nak tidur bawah khemah? Kalau tiada pilihan juga, terpaksalah saya jumpa TMJ (Tunku Ismail Sultan Ibrahim) mengadu nasib kami," kata ditemui.

Sembilan sekeluarga itu terpaksa berteduh di bawah khemah selepas rumah mereka di Parit Mislam di sini, musnah dalam kebakaran 15 April lalu.

Walaupun ada pihak termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO) datang menjenguk dan menjanjikan bantuan termasuk membina rumah baharu, namun kelibat mereka tidak lagi muncul sehingga kini.

Paling membimbangkan Mohd Kamal ialah keselamatan mereka sekeluarga, khasnya pada waktu malam, kerana tapak khemah itu turut menjadi laluan binatang buas.



Saya bukan meminta simpati tetapi hanya sekadar menuntut janji serta mahukan pihak berkaitan buka mata"

Mohd Kamal

"Bayangkan kami tidur dalam khemah tanpa dinding, hanya dikelilingi kain langsir dan kanvas sebagai penghadang. Bagaimana kami boleh lena dalam keadaan ini.

"Minggu lalu, jam 4.30 pagi, kami anak-beranak terjaga kerana khemah hampir terangkat akibat ribut yang turut diselangi dengan hujan lebat, kami hanya berpaut pada tiang khemah.

"Saya bukan meminta simpati tetapi hanya sekadar menuntut janji serta mahukan pihak berkaitan buka mata. Saya mohon perhatian, bukan untuk saya tetapi kedua ibu bapa dan anak-anak saya," katanya.

Dia turut memaklumkan sudah banyak kali beruru-

san dengan pihak berkaitan bagi bertanyakan perkembangan bantuan namun jawapan diberi ialah, 'dalam proses untuk kelulusan'.

Mohd Kamal berkata, ada pihak menyarankan supaya mereka sekeluarga menyewa di inap desa terletak di luar kawasan itu namun terpaksa ditolak kerana jauh dari sekolah anak serta tempat kerjanya.

"Ibu bapa (Masuri Mislam, 68, dan Maskonah Dahlan, 68) saya pun sudah tak larat. Kalau boleh, saya hanya mahukan 'ibu rumah' untuk kesenangan ibu bapa selain lima anak saya yang berusia lapan hingga 21 tahun.

"Keselesaian mereka penting, malah seorang daripada anak saya bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia tahun ini. Kasihan saya tengok mereka kalau cuaca panas terpaksa berpeluh, duduk bawah khemah terasa bahangnya," katanya.

Kebakaran berlaku jam 11.15 pagi, iaitu seminggu sebelum Aidilfitri, menyebabkan rumah pusaka milik ibu bapa Mohd Kamal, musnah.



TAJUK : BELASAH WARGA EMAS SAMPAI MATI

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Belasah warga emas sampai mati

Bentong: Akibat tidak puas hati berhubung bilik penginapan, seorang lelaki tergamak membelasah warga emas sehingga maut dalam kejadian pergaduhan di sebuah hotel di Genting Highlands di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 5 petang kelmarin, lelaki berusia 67 tahun itu ditemui meninggal dunia di parkir hotel berkenaan.

Ketua Polis Daerah Bentong Superintendan Zaiham Mohd Kahar berkata, polis menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 5.39 petang.

"Sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bentong mendapati mangsa telentang dengan kesan cedera di mulut, mata serta muka.

"Hasil pemeriksaan kamera litar tertutup (CC-TV) mendapati berlaku pergaduhan antara mangsa dan seorang lelaki berusia 38 tahun di lobi hotel.

"Kedua-duanya kemudian beredar ke parkir dan sekali lagi berlaku pergaduhan antara mereka," ka-

tanya dalam satu kenyataan, semalam.

Susulan kejadian berkenaan, Mohd Zaiham berkata, polis berjaya menahan suspek untuk siasatan lanjut manakala mayat mangsa dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) untuk bedah siasat.

"Siasatan awal mendapati pergaduhan berpunca daripada salah faham serta rasa tidak puas hati berkaitan bilik hotel," katanya.

Katanya, semakan lanjut mendapati suspek mempunyai pelbagai rekod jenayah lampau.

Di samping itu, beliau berkata, suspek direman tujuh hari sehingga 3 Ogos depan dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

Beliau turut meminta orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian menyalurkannya dengan menghubungi Pusat Kawalan Daerah (DCC) IPD Bentong di talian 09-2222222 atau mana-mana balai polis berhampiran.



TAJUK : HANTAR SIHAT BALIK MAUT!

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

HANTAR SIHAT BALIK MAUT!

*Bayi enam bulan dihantar ke pusat
asuhan meninggal dunia*



PATRICIA (kiri) bersama suami menunjukkan gambar bayi mereka yang meninggal dunia pada 15 Julai lalu. - Gambar NSTP/MARY VICTORIA DASS

Oleh Mary Victoria
Dass
am@hmetro.com.my

Johor Bahru

"Saya bergegas ke rumah pengasuh sebelum mendapati bayi kami berada dalam but kereta di parkir di tepi jalan manakala rakan pengasuh sedang melakukan bantuan pernafasan," kata Chew Chin Siang.

Chew, 33, berkata, dia tidak menyangka akan kehilangan anak bongsu, Chew Hau Xuan yang berusia enam bulan ketika berada di bawah jagaan pengasuh di Permas Jaya pada 15 Julai lalu.

Bapa kepada empat cahaya mata itu berkata, pada hari kejadian, dia menerima panggilan daripada isterinya yang bekerja di Singapura menyatakan pengasuh menghununginya dan memaklumkan anak lelaki mereka kurang sihat.

Menurutnya, kebetulan, ketika kejadian dia tidak bekerja dan bergegas ke rumah pengasuh tidak jauh dari rumahnya.

Namun, katanya, apabila tiba, dia mendapati

tubuh, bibir dan tapak tangan bayinya kebiruan.

"Pengasuh menyatakan anak saya mula sesak nafas jam 12 tengah hari dan persoalan kami mengapa dia memaklumkan kepada kami hampir sejam selepas itu.

"Dia sepatutnya menghubungi kami atau membawa bayi ke klinik namun ketika dipersoal, wanita berusia 20-an itu menyatakan dia tidak boleh bergerak berseorangan diri dan mendakwa sudah menghubungi ambulans.

"Kemudian saya membawa bayi ke Hospital Pakar Regency Seri Alam sebelum dimaklumkan anak sudah meninggal dunia," katanya.

Chew berkata, isterinya, Patricia Lau Hui, 32, membuat laporan polis di Balai Polis Permas Jaya pada hari sama kerana kecewa dengan kejadian terbabit.

Menurutnya, mereka yang mendapatkan perkhidmatan jagaan untuk bayi selain anak kedua dan ketiga masing-masing yang berusia tiga dan lima tahun sejak Mac lalu, sebelumnya dalam perancangan untuk mencari pusat asuhan lain.

Katanya, malangnya sebelum mendapatkan perkhidmatan pusat asuhan baharu, tragedi terbabit menimpa.

"Kami sebelum ini tidak berpuas hati kerana di pusat asuhan itu, ada ramai kanak-kanak hingga ia menjejaskan keselesaan anak walaupun upah jagaan mencecah hampir RM3,000 setiap bulan.

"Namun semuanya sudah terlambat. Selepas kejadian, pengasuh berulang-kali bertanya sama ada kami mahu mengambil tindakan dan adakah mahu sebarang ganti rugi.

"Adakah dia mampu menggantikan nyawa anak kami dan harapan kami hanya polis menjalankan siasatan sama ada operasi pusat asuhan ini berlesen walaupun mereka menyatakan memiliki pengalaman 10 tahun.

"Kami masih menunggu laporan forensik berkaitan punca kematian anak. Difahamkan, ia mengambil masa hampir sebulan," katanya.

Sementara itu, Patricia berkata, ketika dia menghantar anak ke pusat asuhan berkenaan, bayinya masih dalam keadaan ceria dan sihat.


Menurutnya, anaknya itu yang lahir pada 17 Januari lalu juga baru pulih daripada demam dan selesema sebelum kejadian.

"Pengasuh mendakwa anak saya batuk ketika bermain sebelum sesak nafas dan tidak sedarkan diri.

"Kenyataan pengasuh tidak kukuh dan menunjukkan kecuaiannya yang lambat mengambil tindakan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Johor Bahru Selatan Asisten Komisyoner Raub Selamat mengesahkan yang pihaknya menerima laporan polis dibuat pasangan berkenaan.

"Setakat ini, kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) dan kami masih menunggu laporan bedah siasat untuk mengetahui punca sebenar kematian," katanya dihubungi, semalam.



TAJUK : MANGSA TAK DIIZIN KE RUMAH IBU

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Arwah tidak pernah bercerita mengenai rumah tangganya, kami juga jarang bertemu arwah,” kata Azmir Alias, 37.

Azmir adalah adik kepada Azween Noor yang maut dipercayai didera suaminya dalam satu kejadian di sebuah pangsapuri di Sungai Long, Kajang, Ahad lalu.

Azmir berkata, kali terakhir keluarganya bertemu arwah pada Aidilfitri lalu dan arwah tidak bercerita dia didera.

“Arwah seorang yang pendiam, dia bercakap apabila perlu sahaja, dia tidak pernah bercerita soal rumah tangganya.

“Ada dia beritahu mengenai suaminya yang kerap kerja di luar kawasan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut Azmir, keluarganya juga tidak pernah bertemu dengan suaminya (suspek) sejak arwah melangsungkan perkahwinan

LELAKI DERA ISTERI SAMPAI MATI

MANGSA TAK DIIZIN KE RUMAH IBU



MOHAMED Imran

enam tahun lalu.

“Suaminya tidak membenarkan arwah ke rumah ibu, kami juga pelik dengan sikap lelaki itu.

“Pernah satu ketika ibu ke rumah arwah namun dihalau lelaki terbabit menyebabkan sehingga kini ibu tidak pergi ke rumah arwah,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Katanya, arwah meninggalkan dua cahaya mata berusia enam dan tiga tahun yang kini dibawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Kami sekeluarga juga ingin membuat permohonan kepada pihak berkuasa untuk menjaga kedua-dua anak arwah,” katanya.


Kelmarin, pihak polis memburu seorang lelaki dikenali sebagai Mohamed

Imran Mohamed, 32, yang beralamat terakhir di Apartment Sutera Pines, Jalan Sutera Pines, Sungai Long, Kajang.

Lelaki terbabit dipercayai suspek dalam kejadian mendera isterinya sehingga mati sebelum dihantar ke hospital.

Wanita berusia 38 tahun terbabit dihantar ke pusat perubatan berkenaan dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Mangsa dihantar sendiri suaminya dan kemudian menghilangkan diri selepas mendapat tahu isterinya disahkan sudah meninggal dunia.



TAJUK : MAUT DIPUKUL DENGAN OBJEK TUMPUL

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Maut dipukul dengan objek tumpul

Kajang: Dera isteri sehingga mati sebelum hantar mayat wanita itu ke hospital.

Perbuatan kejam lelaki itu terbongkar hasil pemeriksaan dilakukan pegawai perubatan di sebuah hospital swasta di sini.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Mohd Zaid Hassan berkata, polis menerima laporan kejadian pada 12.15 tengah malam

Ahad lalu

“Pihak hospital memaklumkan terima pesakit iaitu seorang wanita dalam keadaan tidak sedarkan diri dan disyaki sudah meninggal dunia.

“Mangsa dihantar ke hospital oleh suaminya yang kemudian menghilangkan diri selepas mendapat tahu isterinya itu sudah meninggal dunia,” katanya.

Mohd Zaid berkata, pemeriksaan awal oleh pegawai perubatan hospital swasta berkenaan menemui kesan cedera dan lebam di seluruh badan mangsa.


“Mayat mangsa kemudian dihantar ke Hospital Serdang untuk bedah siasat.

“Pakar patologi Hospital Serdang mengesahkan wanita berusia 38 tahun itu meninggal dunia akibat ke-

cederaan dalaman yang serius dipercayai akibat dipukul objek tumpul,” katanya.

Katanya, siasatan mendapati kejadian dipercayai berlaku di di sebuah pangsapuri di Sungai Long, Kajang dan motif pembunuhan masih dalam siasatan.

“Polis mengesan suami mangsa, Mohamed Imran Mohamed untuk membantu siasatan,” katanya.



TAJUK : PAKEJ RAHMAH JALUR LEBAR TETAP ALLO LEBIH MURAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Kuala Lumpur: Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melancarkan Pakej Rahmah Jalur Lebar Tetap Allo yang menawarkan perkhidmatan internet kediaman pada harga murah berbanding pasaran.

Menterinya, Fahmi Fadzil, berkata Allo Technology Sdn Bhd, anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), menawarkan perkhidmatan internet pada harga RM69 sebulan berkelajuan 100 Mbps tanpa had data, penjimatan sebanyak RM30 sebulan berbanding pakej semasa yang

ditawarkan Allo.

Katanya, pakej itu khusus kepada golongan B40, warga emas, orang kurang upaya (OKU), veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM), pesara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pesara Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), selain penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA).

"Apa lebih menarik ialah tawaran pakej ini tiada had



waktu iaitu tawaran berkekalan. Tahniah kepada Allo kerana turut sama menawarkan Pakej Rahmah mes-

kipun harga pakej semasa mereka sudah kompetitif berbanding yang lain.

"Dengan liputan Allo yang bertumpu kawasan pinggir dan luar bandar iaitu di negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor serta Cyberjaya, inisiatif ini mampu beri impak besar usaha merapatkan jurang digital," katanya pada Majlis Pelancaran Pakej Rahmah Jalur Lebar Tetap Allo di Pusat Konvensyen Leo Mog-


gie di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Komunikasi dan Digital, Teo Nie Ching; Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Baharin Din dan Ketua Pegawai Eksekutif Allo Technology Sdn Bhd, Mohamed Ghous Ahmad.

Orang ramai yang berminat untuk melanggan Pakej Rahmah Jalur Lebar Tetap Allo boleh berbuat demikian secara dalam talian di

www.citybroadband.my atau Kedai Tenaga berdekatan, atau menghubungi talian perkhidmatan Allo di 1300-38-8000.

Pelanggan disaran membuat semakan kawasan liputan Allo terlebih dahulu dengan melayari laman sesawang <https://www.citybroadband.my/support/coverage-map/> dan membuat carian menggunakan alamat kediaman rumah atau bandar tempat tinggal.



TAJUK : PASANGAN KEKASIH TERLEPAS TALI GANTUNG

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Putrajaya

Sepasang kekasih terlepas hukuman gantung atas kesalahan membunuh bayi perempuan mereka yang baru dilahirkan pada 2017 selepas Mahkamah Rayuan kelmarin buat julung kalinya melaksanakan pindaan Akta Pemanusiaan Hukuman Mati Mandatori 2023 yang diluluskan April lalu.

Fikri Hakim Kamaruddin, 27, dan Nurul Filzaton Sahirah Abdul Aziz, 28, sebaliknya dijatuhkan hukuman penjara 30 tahun atas kesalahan bunuh bayi perempuan mereka yang baru dilahirkan.

Panel tiga hakim diketuai Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera berkata, ketika Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman ke atas perayu pada 2021, hukuman bagi kesalahan membunuh adalah mati mandatori.

Hakim Vazeer berkata, berikutan pindaan undang-undang itu, hukuman mati mandatori dimansuhkan dan mahkamah diberi pilihan atau budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati atau penjara 30 hingga 40 tahun dan minimum 12 sebatan bagi pesalah lelaki. "Selepas mempertim-

PASANGAN KEKASIH TERLEPAS TALI GANTUNG

Mahkamah Rayuan buat julung kali laksana pindaan Akta Pemanusiaan Hukuman Mati Mandatori 2023

» INFO

Fikri Hakim Kamaruddin, 27, dan Nurul Filzaton Sahirah Abdul Aziz, 28, sebaliknya dijatuhkan hukuman penjara 30 tahun atas kesalahan bunuh bayi perempuan mereka yang baru dilahirkan.

Ini adalah kes pembunuhan pertama didengar Mahkamah Rayuan selepas pindaan undang-undang itu April lalu.

Mahkamah turut memerintahkan Fikri dikenakan sebatan 12 kali.

bangkan mitigasi dan fakta kes, kami menggunakan budi bicara kami untuk menggantikan kepada hukuman penjara selama 30 tahun ke atas kedua-dua perayu (Fikri

dan Nurul Filzaton) dari tarikh tangkapan," katanya sambil menambah Fikri juga akan dikenakan 12 sebatan rotan.

Panel itu turut dianggotai dua lagi hakim iaitu Datuk Hadhariah Syed Ismail dan Datuk Wong Kian Kheong.

Ini adalah kes pembunuhan pertama yang didengar oleh Mahkamah Rayuan selepas pindaan undang-undang itu pada April lalu.

Ketika menolak rayuan mereka terhadap sabitan, Hakim Vazeer berkata, selepas menimbangkan keterangan, mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan terdapat niat bersama oleh kedua-dua perayu untuk melakukan kesalahan itu.

Beliau juga berkata, tiada percanggahan dalam keterangan yang diberikan oleh jururawat dan doktor dalam

perbicaraan itu.

Fikri dan Nurul Filzaton didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi, Johor Bahru pada 31 Okt 2021 kerana membunuh bayi perempuan mereka di sebuah rumah di Taman Bandar Penawar, Kota Tinggi, Johor Bahru antara jam 10.50 malam pada 12 Disember 2017 dan jam 10.41 pagi keesokan harinya.

Berdasarkan fakta kes, Nurul Filzaton melahirkan bayi itu di sebuah rumah dan dibawa ke wad kecemasan Hospital Kota Tinggi selepas mengalami pendarahan selepas bersalin.

Dia memakdumkan kepada seorang jururawat di wad kecemasan bahawa dia melahirkan bayi tetapi bayi itu diambil oleh teman lelakinya.

Pada 5 Disember 2017, Fikri memberitahu seorang

pegawai polis bahawa bayi itu dikedumikan dan dia kemudian membawa pasukan polis ke kawasan hutan di Kampung Panti Kota Tinggi lokasi di mana bayi itu dikedumikan.

Pasukan itu kemudian menggali dan menemukan mayat bayi itu.

Hasil bedah siasat mendapati bayi seberat 1.8 kilogram itu masih hidup ketika dilahirkan dan punca kematian disebabkan lemas.

Mayat bayi itu ditemukan dengan stokin kecil berwarna hitam dan biru yang disumbat ke dalam mulutnya. Fikri dan Nurul Filzaton ditahan pada 5 Disember 2017.

Terdahulu, kedua-dua peguam perayu, Anita Vijaya Rajah yang mewakili Fikri dan peguam Nurul Filzaton, Shaik Saleem Shaik Mo-

hamed Daud, memohon mahkamah menjatuhkan hukuman mati ke atas anak guam mereka.

Anita Vijaya berkata, anak guamnya bercinta dengan Nurul Filzaton sejak 2016 dan mereka menjadi mangsa keadaan.

Katanya, pasangan itu mempunyai seorang lagi anak yang diserahkan kepada orang lain.

Timbalan Pendakwa Raya Datuk Mohd Dusuki Mokhtar yang dibantu Timbalan Pendakwa Raya Khairul Aisamuddin Abdul Rahman menggesa mahkamah mengekalkan hukuman mati terhadap kedua-dua perayu.

Beliau berkata, sekiranya mahkamah tidak bersetuju, beliau meminta mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sekurang-kurangnya 35 tahun ke atas pasangan itu.



TAJUK : PERKASA PERANAN WANITA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 21

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

HALA TUJU JABATAN PEMBANGUNAN WANITA 2023

PERKASA PERANAN WANITA

Kesaksamaan gender dan pengukuhan undang-undang matlamat utama KPWKM, JPW

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2020-2025 (RMK-12), memberi penekanan ke arah memperkasa peranan wanita bagi membolehkan mereka bersama-sama menyumbang secara signifikan untuk pembangunan negara.

Bagi tujuan itu, dua inisiatif utama diperkenalkan menerusi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) iaitu menggalakkan kesaksamaan gender dan memperkukuh undang-undang.

Inisiatif ini bertujuan supaya wanita dapat meningkatkan peluang mereka dalam pelbagai bidang termasuk pendidikan, ekonomi dan kepimpinan.

Antara sasaran utama adalah memastikan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga buruh.

Belanjawan 2023 yang dibentangkan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim Februari lalu melonjakkan pemerikasaan wanita melalui inisiatif seperti peruntukan Geran Penjagaan Kanak-Kanak kepada Wanita Kembali Bekerja, memudah cara garis panduan untuk pusat jagaan kanak-kanak dan penyediaan subsidi yuran taska serta pembinaan 80 taska dan tabika KEMAS termasuk 13 projek baharu.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dan strategi dilaksanakan di pelbagai peringkat bagi memperkasa wanita. Tahun ini juga, Jabatan Pembangunan Wanita akan melaksanakan program membabitkan pemerikasaan wanita yang merangkumi empat aspek iaitu Wanita dan Ekonomi, Wanita Selamat, Wanita Sejahtera serta Wanita dan Kepimpinan.

Wanita dan Ekonomi

Aspek Wanita dan Ekonomi merangkumi Program Penjana Pendapatan bertujuan meningkatkan penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi membabitkan elemen keusahawanan, literasi kewangan dan ekonomi digital.

Program ini bertujuan meningkatkan bilangan penyertaan wanita dalam pasaran tenaga buruh serta menjana pendapatan keluarga.

Sehingga 31 Mei lalu, se-



PENYERTAAN wanita dalam pasaran pekerjaan dan juga tenaga buruh bakal diperhebat dengan pelbagai inisiatif oleh kerajaan.

banyak 219 program dilaksanakan membabitkan seramai 8,853 peserta.

Program ini terdiri daripada dua elemen utama iaitu memberi bimbingan dan latihan tujuan memulakan perniagaan sendiri serta menghubungkan wanita yang mempunyai perniagaan secara kecil-kecilan ke platform e-dagang sedia ada bagi meluaskan capaian perkhidmatan perniagaan.

Dari segi kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) wanita, ia menunjukkan peningkatan daripada 55.3 peratus pada 2020 kepada 55.5 peratus pada 2021 dan 55.9 peratus pada tahun 2022.

Terkini, sehingga April lalu, KPTB wanita menunjukkan peningkatan kepada 56.2 peratus.

Peningkatan ini hasil usaha kerajaan dan pelbagai pihak yang berkaitan, antaranya dengan pendekatan yang lebih mesra keluarga seperti menyediakan akses yang lebih baik kepada kemudahan penjagaan kanak-kanak yang berkualiti, pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja, persekitaran kerja yang kondusif, waktu bekerja fleksibel, pilihan untuk bekerja dari rumah dan peluang mendapat semula pekerjaan yang setara.

Wanita Selamat

Aspek Wanita Selamat pula membabitkan program advokasi kepada wanita bagi menangani keganasan terhadap wanita.

Ia merangkumi Program Advokasi Antingangguan Seksual dan Program Advokasi Kesedaran Menangani dan Diskriminasi Terhadap Wanita.

Majlis Pelancaran Jerayawara Advokasi Antingangguan Seksual disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2023 dan Jabatan Pembangunan Wanita dalam rangka jelajah ke seluruh negara bagi program ini.

Program ini susulan pengubalan Akta Antingangguan Seksual 2022 [Akta 840] yang diwartakan pada 18 Oktober 2022.

Sehingga 31 Mei 2023, sebanyak 21 program di bawah Wanita Selamat sudah dilaksanakan yang membabitkan seramai 3,399 peserta.

Wanita Sejahtera

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) turut melaksanakan program untuk meningkatkan kesejahteraan wanita terutama dari segi kesihatan fizikal dan mental.

Oleh itu, Wanita Sejahtera ini membabitkan program kesejahteraan dan kesihatan wanita seperti Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita (IRIS), Program Meningkatkan Daya Tahan & Psikologi Wanita (MATAHARI) dan Program Skuad WAJA.

Program Skuad WAJA adalah program sukarelawan di peringkat komu-

niti bertujuan memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial. Ia juga adalah aktiviti dalam komuniti khususnya wanita bagi meningkatkan kesedaran mengenai isu jenayah.

Kini, Program Skuad Waja mempunyai seramai 328,558 ahli di seluruh negara membabitkan 253,973 wanita (77.3 peratus) dan 74,585 lelaki (22.7 peratus).

Sehingga 31 Mei 2023, sebanyak 308 program di bawah Wanita Sejahtera sudah dilaksanakan yang membabitkan seramai 46,173 peserta.

Wanita dan Kepimpinan

Pengiktirafan penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan mula dikuatkuasakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan.

253,973
Bilangan wanita seluruh negara sertai Program Skuad Waja.

san diperkenalkan dalam sektor awam untuk memastikan penyertaan wanita di peringkat Pengurusan Tertinggi.

Seterusnya, menerusi Rancangan Malaysia Kesembelas (RMK-11), kerajaan turut menyatakan untuk meneruskan dasar yang menentukan pembabitkan wanita di peringkat pengurusan dan pembuat keputusan pada kadar 30 peratus di sektor awam dan swasta.

Penyertaan wanita sebagai pembuat keputusan boleh diujuk kepada pencapaian di sektor awam dan sektor swasta.

Berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus perjawatan awam wanita di peringkat pembuat keputusan melalui pengisian Gred Utama C dan ke atas, meningkat kepada 38.8 peratus pada Disember 2022.

Bagi sektor swasta, peratus wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah di 100 syarikat tersenarai awam yang teratas adalah pada 30.6 peratus berdasarkan laporan daripada Suruhajanya Sekuriti pada 1 Jun 2023 berbanding 29 peratus pada tahun 2022.

Sehubungan itu, aspek Wanita dan Kepimpinan ini merangkumi program inklusiviti yang membabitkan kolaborasi strategik dengan agensi berkaitan dan perubahan bukan kerajaan (NGO).

Program itu seperti Program Pemerkasaan Kepimpinan, Program Advokasi Kesaksamaan Gender dan Program Sambutan Hari Wanita 2023.

Sehingga 31 Mei lalu, sebanyak 58 program di bawah Wanita dan Kepimpinan sudah dilaksanakan dengan membabitkan seramai 11,309 peserta.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif di bawah Belanjawan 2023 sama ada yang disediakan untuk wanita atau lain-lain yang boleh dimanfaatkan rakyat, layari www.belanjawan.mof.gov.my/manfaat.



BIMBINGAN dan latihan bagi tujuan memulakan perniagaan sendiri antara langkah-langkah memperkasa ekonomi wanita.



TAJUK : PUTING BELIUNG BADAI 15 RUMAH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Puting beliung badai 15 rumah

Alor Gajah: Sekurang-kurangnya 15 rumah di Kampung Pasir Gembur dan Balik Batu di Tanjung Bidara di sini, rosak dibadai puting beliung jam 7 pagi semalam.

Kejadian turut menyebabkan bumbung sebuah rumah penduduk tercabut dan diterbangkan angin sejauh beberapa meter dan video berkenaan tular di media sosial.

Pegawai Pertahanan Awam Unit Masjid Tanah (UMT), Leftenan (PA) Shahrul Riza Saiful Bahry ketika dihubungi berkata, pihaknya menerima maklumat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah ber-

hubung kejadian pada jam 9 pagi.

Menurutnya, sepasukan tujuh anggota Angkatan Pertahanan Awam (APM) dikejarkan ke lokasi bagi memberi bantuan.

“Setakat bancia awal, sebanyak 10 rumah di Kampung Balik Balik Batu dan lima lagi di Kampung Pasir gembur mengalami kerosakan pada bumbung.

“Anggota APM turut memberi bantuan dalam


kerja-kerja membersihkan sisa bumbung yang tersangkut di rumah penduduk,” katanya.

Shahrul Riza berkata, pihaknya juga difahamkan setakat ini tiada penduduk mengalami kecederaan akibat insiden puting beliung berkenaan.

“Kita tidak menerima apa-apa maklumat penduduk cedera dalam kejadian puting beliung ini.

“Kerja bancia kerosakan rumah penduduk juga masih dijalankan ketika ini,” katanya.

Sepasukan tujuh anggota APM dikejarkan ke lokasi bagi memberi bantuan



TAJUK : REDAH HUJAN DALAM KABUR

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muham-
ram@hmetro.com.my

Marang

“Terlalu banyak pengorbanan ayah untuk saya sejak kecil hingga dewasa. Memang tak terbalas jasa itu sampai bila-bila,” kata Umi Nazira Othman, 24. Perkongsian Umi Nazira di TikTok meruntun hati warganet selepas memuat naik video

REDAH HUJAN DALAM KABUR

Ramai tersentuh usaha bapa hantar anak
pergi kerja dengan kereta rosak

bapa, Othman Mat Rani, 50, gigih memandu ketika hujan lebat dalam keadaan bilah cermin kereta rosak.

“Berkaca mata setiap kali tengok effort (usaha) seorang ayah nak hantar anak bekerja bila hujan dengan keadaan wiper (bilah cermin kereta) rosak.

“Ya Allah panjangkanlah usia ibu ayahku, permudahkanlah urusan mereka menjaga kami adik beradik di dunia dan di akhirat kelak,” itu kapsyen

UMI Nazira bersama bapanya.

ditulis Umi Nazira pada video berkenaan.

Menceritakan kisah sebenar, Umi Nazira yang menetap di Kampung Lubuk Bayas Wakaf Tapai, di sini berkata, video itu dirakam ketika dia dalam perjalanan ke tempat kerja bersama bapanya.

“Saya kerja sebagai pembantu jualan di kedai minuman dan setiap hari, ayah hantar ke tempat kerja.

“Hari berkenaan, hujan lebat. Bilah cermin kereta dan penghawa dingin rosak jadi ayah bawa kereta dengan perlahan sambil lap cermin hadapan yang berwap kerana tak nampak jalan.

“Anggaran jarak rumah ke tempat kerja adalah 13 kilometer (km) dan kerana tiada pilihan, ayah memandu kereta dalam keadaan begitu (hujan) untuk pastikan saya sampai ke tem-

pat kerja,” katanya.

Melihat situasi itu membuatkan Umi Nazira yang juga anak sulung daripada tujuh beradik tersentuh kerana mengenangkan pengorbanan bapanya.

“Jadi, sambil duduk di sebelah (ayah), saya pun rakam video untuk kenangan.

“Kemudian, saya kongsi-kan di TikTok sekadar suka-suka saja tetapi tak sangka pula tular hingga meraih hampir 700,000 tontonan setakat ini.

“Terkejut juga kerana saya pernah muat naik beberapa video sebelum ini, tetapi tidak raih banyak tontonan.

“Apa pun, terima kasih kepada yang mendoakan dan sebagai anak, saya hargai pengorbanan ayah kerana sekalipun sakit, dia tetap usaha cari rezeki buat kami sekeluarga,” katanya

Berkaca mata setiap kali tengok EFFORT seorang ayah nak antaa kerja bila time hujan dgn keadaan wiper rosaknya.



OTHMAN Mat Rani memandu ketika hujan lebat dalam keadaan bilah cermin kereta rosak demi menghantar Umi Nazira ke tempat kerja. FOTO Tangkap Layar video TikTok Umi Nazira

yang hanya berpeluang belajar setakat peringkat Sijil Tinggi Pelajar Malaysia (STPM) kerana enggan membebaskan keluarga. Sementara itu, Othman berkata, kereta dipandunya adalah model lama iaitu Nissan Bluebird dan digunakannya sejak lebih 20 tahun lalu.


“Buat masa ini, bilah cermin kereta dan penghawa

dinginnya rosak, tetapi belum dibaiki lagi.

“Jadi, buat sementara, saya guna dulu dan ada satu lagi kereta iaitu Proton Iswara, tetapi rosak akibat ditenggelami banjir.

“Memang susah pandu kereta dalam hujan dengan keadaan begitu kerana tak nampak, namun apa boleh buat, itu saja kenderaan saya ada,” katanya.





TAJUK : TUMPANG KASIH

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Hazira
Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

TUMPANG KASIH

Lima beradik yatim piatu tinggal bersama ibu, bapa saudara

Kuala Krai

Lima beradik yatim piatu dari Kampung Sam, di sini yang kematian ibu serta ayah kandung menjadikan ibu dan bapa saudara mereka sebagai tempat menumpang kasih.

Nuriman Hakim Azmi, 22, bersama empat adiknya, Nur Insyirah, 20, Nor Izyani, 18, Nur Amaliyn, 12, dan Nur Ilya Akma, 9, kini tinggal bersama ibu serta bapa saudara mereka, Mohd Fadli Mat Yaacob, 39, dan Zuriani Mustapa, 39.

Nuriman Hakim berkata, arwah ibunya, Rosmane Che Mashor meninggal dunia pada Ogos 2021 di Hospital Tanah Merah disebabkan Covid-19 manakala arwah bapanya, Azmi Mat Yaacob meninggal dunia pada 2020 selepas terabit dalam perjalanan pulang ke rumah.

"Selepas arwah ibu dan ayah meninggal dunia, bapa saudara (Mohd Fadli) mengajak kami adik-beradik tinggal bersama dengannya dan pada masa sama sebagai

abang sulung saya juga perlu menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga terutamanya bagi memastikan keperluan adik mencukupi.

"Saya sebolehnya tidak mahu menyusahkan ibu serta bapa saudara kerana mereka juga mempunyai tanggungan dan anak yang masih bersekolah dan pada masa sama bapa saudara hanya bekerja sebagai mekanik dengan pendapatan yang tidak menentu.

"Bagi menyara adik saya membuat pelbagai kerja dan awal Januari lalu saya bekerja sebagai penghantar barang dengan pendapatan RM1,500 sebulan dan ada ketikanya adik kedua, Nur Insyirah yang bekerja di sebuah kilang elektronik di Kajang turut menghantar wang untuk perbelanjaan persekolahan adiknya," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Sam.

Terdahulu badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka



NURIMAN bersama adiknya melihat gambar arwah ibu dan ayah mereka ketika ditemui di Kampung Sungai Sam, Kuala Krai.

Merah Asnaf Society yang diwakili Pengerusinya, Che Norhayati Mohamed hadir menziarahi keluarga berkenaan dan turut menyampai-

kan sumbangan wang tunai untuk meringankan beban yang ditanggung.

Nuriman Hakim yang juga anak sulung daripada lima

beradik berkata, dia mempunyai dua lagi adik yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Sam.

"Walaupun bapa saudara


ada juga menghulurkan wang perbelanjaan harian dan wang saku sekolah mereka, saya sebolehnya tidak mahu membebarkannya kerana selama sudah banyak membantu kami adik beradik selepas kematian ibu serta ayah," katanya.

Sementara itu, Mohd Fadli berkata, dia akan terus menjaga anak saudaranya itu dia selagi masih bernafas.

"Saya membuka sebuah bengkel membaiki motosikal di hadapan rumah dan pendapatan yang diperoleh tidak tetap iaitu sekitar RM800 sebulan dan sesusah mana sekalipun saya akan tetap berikhtiar untuk menjaga kebajikan anak saudara yang sudah kehilangan ibu bapa mereka.

"Walaupun pada masa sama perlu menyara isteri dan empat anak yang berusia di antara tiga hingga 13 tahun namun kebajikan anak saudara tidak pernah diabaikan," katanya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh menyalurkannya ke akaun Agro Bank bernombor 2-00-6701-00035158-6 atas nama Nuriman Hakim Azmi.



TAJUK : MEDIA PRIMA IS 'COMPANY OF THE YEAR'

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

MEDIA PRIMA IS 'COMPANY OF THE YEAR'

It wins top award in media category for strong corporate social responsibility efforts

KUALA LUMPUR

MEDIA Prima Bhd, Malaysia's leading and largest integrated media group, was recognised as "Company of the Year" in the media category on Wednesday for its strong corporate social responsibility efforts at the Sustainability and CSR Malaysia Awards 2023.

According to the panel of judges, Media Prima was selected for making meaningful contributions to the public.

Since 1991, the Media Prima-NSTP Humanitarian Fund has

served as a platform for individuals and companies to contribute to important causes in Malaysia and beyond.

Media Prima, through its integrated media platform, boosts awareness about various causes to encourage contributions. In 2022, this fund benefitted more than 11,000 people across Malaysia.

This year, Media Prima has extended assistance to non-governmental organisations (NGOs) supporting communities affected by humanitarian conflicts in Palestine and Myanmar.

Media Prima group managing director Rafiq Razali said Media Prima would continue to fulfil its responsibility to contribute to society through community initiatives that have a positive impact on the lives of many.

"Media Prima is grateful for the recognition received as it signifies its commitment to creating a lasting positive impact."

The Sustainability and CSR

Malaysia Awards 2023 is organised by CSR Malaysia, a social project and publication that aims to share the unwavering commitment of corporations in Malaysia towards the people and their inherent roles as change agents in the socio-economic transformation of the country.


The annual awards ceremony was hosted with the support of the Women, Family and Community Development Ministry, with minister Datuk Seri Nancy Shukri as the guest of honour.

The recognition by CSR Malaysia was Media Prima's third award for good environmental, social and governance (ESG) practices since 2022.

The company was awarded Silver at The Edge ESG Awards 2022 and given the Industry Excellence Award for Corporate Governance (CG) Disclosure at the MSWG-Asean Corporate Governance Award 2021, organised by the Minority Shareholders Watch Group.



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri presenting the 'Company of the Year' award to Media Prima Bhd group corporate communications general manager Azlan Abdul Aziz at the Sustainability and CSR Malaysia Awards 2023 on Wednesday. PIC BY AZHAR RAMLI



TAJUK : MUM: SEND MY SON'S KILLERS TO GALLOWES

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

DUO SENTENCED TO DEATH

Mum: Send my son's killers to gallows

SHAH ALAM: A woman whose only son was murdered by two foreigners in 2018 entered a heartfelt plea for justice shortly before their sentencing in the case in the High Court, here, yesterday.

Norzilawati Dani, 57, who entered the courtroom during mitigation after two men — one from Myanmar and the other from India — were found guilty of causing the death of 27-year-old Aiman Nosri, pleaded for the court to send the duo to the gallows.

Norzilawati, whose voice was shaking as she held back tears, took about 15 minutes in making her plea from the witness stand.

"I am the mother of Aiman, whom he called 'Umi'. I carried him for nine months, and gave birth to him on May 22, 1991, at Kuala Lumpur Hospital.

"I cared for him and educated him until he graduated with a diploma. Even when he had a job, he stayed with me and took me wherever I wanted to go. Since he was a child, he had always told me 'Aiman will take care of Umi. I will always be with Umi'.

"Aiman was my only son who was my hope to take care of me in my old age. Anyone who knew him, knew he would not hurt anyone or even raise his voice.

"What did Aiman do to you, that you had to end his life so viciously? Why was he taken away from me so brutally? I had never hit or hurt him; how could you do that to my son?

"My world shattered when I found out that my Aiman was no longer in this world. Did I fail as a mother to protect him? His death changed my family's lives, especially mine. I am crushed beyond words and feel strong pain, so much so that I cannot comprehend what happened," she said in her victim impact statement.

Norzilawati said her son's death had traumatised her, to the point she could not even hear his name being uttered.

The courtroom was in absolute silence as she spoke, silent tears rolling down the cheeks of family members in the gallery. Both the accused, Myanmar citizen Sua Lay and Indian national Gurpreet Singh, seemed too ashamed to look at Norzilawati, their gaze cast downwards as interpreters translated her statement.

She ended by saying that she would never forgive the accused and hoped for the court to serve justice for her son.

"Death can only be repaid with death," she said.

Judicial commissioner Nurulhuda Nur'aini Mohamad Nor, who had earlier found the accused guilty of killing Aiman, then sentenced them to death.

The duo had been charged with murdering Aiman at a parking lot in Selayang Baru, Batu Caves on June 21, 2018, at 10.08pm. Their charges were framed under Section 302 of the Penal Code.

Nurulhuda found the defence entered by both accused incon-

sistent and that they did not challenge material evidence — the presence of their DNA on the driver's seatbelt in the car as well as a car key which was discovered when shown by Sua Lay to the police during investigation.

"The absence of clear evidence as highlighted when the court called for their defence makes this court scrutinise the evidence given by the accused. Someone must have driven the car to where it was found in Selayang Baru.


"With the evidence found on the driver's seatbelt, the accused are found to have strangled the deceased."

Lawyers Siti Anis Che Ab Wahab and Muhamad Amirul Jamaluddin, who represented the first and second accused, pleaded for the court to use its discretion during sentencing.

Siti Anis who said Sua Lay was a United Nations High Commissioner for Refugees cardholder, and married with three kids, pleaded for the court to hand down a sentence of 30 years' imprisonment and 12 lashes as the murder was not a brutal one.

Amirul echoed Siti Anis' plea, saying that there was no eyewitness or direct evidence to prove injuries found on the deceased were from the use of weapons.

This was rebutted by deputy public prosecutor Mohammed Heikal Ismail who submitted that the accused deserved no mercy as they did not show any mercy to their victim.



TAJUK : BOY WAITING CITIZENSHIP FINALLT ALLOWED TO ATTEND SCHOOL

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Endi, flanked by Hee (right) and Sia, is seen on his first day of secondary school.

Boy awaiting citizenship finally allowed to attend school

MIRI: A stateless 13-year-old boy in Bintulu was finally allowed to begin secondary school there on Monday after the High Court granted his aunt custody of him and his sister.

The District Education Office had initially refused to allow Endi Ena to attend school as his citizenship application is still pending.

The teenager's Malaysian father died of heart attack before formally applying for citizenship for Endi and his younger sister Eni.

The children's mother is a foreign national.

According to the siblings' aunt and guardian, who declined to be named, her brother was uneducated and failed to register the children at birth but had registered his marriage.

When she attempted to enrol Endi for secondary school earlier this year, the District Education Office had rejected the application, demanding an identity card to indicate citizenship.

This forced her to turn to Democratic Action Party Socialist Youth (Dapsy) Sarawak chief Peter Hee in February.

In a statement, Hee said he and Dapsy Miri Action team head Alan Sia were stumped when the Education Department refused to entertain appeals despite the assurance from Education Minister Fadhlina Sidek in Parliament that stateless students with one parent who is a Malaysian would not be turned

away.

Both flew to Kuching to send applications directly to the department for processing but were told a guardianship order must be issued by the National Registration Department or court before Endi could go to school.

"Since the new school year had already started, we decided to take a two-pronged approach. On the one hand, we would wait for the deputy minister to negotiate; on the other hand, we would apply to the court for a court order," Hee said.


"Now that the case is settled and without pointing fingers, I hope that the Ministry of Education and all its officials will adopt a fairer and open attitude on this issue, and work together to defend children's rights; stop the little Napoleon mentality," he stressed.

He pointed out education is a fundamental human right and every child must have the right to free education.

He explained Endi finally received an admission letter from the Sarawak Education Department but has registered as a foreign student.

"After waiting for half a year, Endi was finally able to report to secondary school. He was so excited and nervous that he couldn't eat and couldn't sleep," he said.

Hee and Sia were in Bintulu to accompany Endi and his aunt when they reported for the boy's first day of secondary school.



TAJUK : GOVT TARGETS 60 PCT WOMEN IN WORKFORCE BY NEXT YEAR

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Govt targets 60 pct women in workforce by next year

DUNGUN: The government is targeting 60 per cent of women participation in the workforce in various sectors, by next year.

Rural and Regional Development (KKDW) Deputy Minister Datuk Rubiah Wang said the present employment rate of women in the country is 55 per cent, which can be increased to 60 per cent with the government's support and initiatives.

She said this is in line with global development and revolution which requires women's contribution to the workplace, for the socio-economic development of a nation.

"The 2020 World Economic Forum report states that Malaysian women are very creative, able to communicate well and have impressive problem-solving skills.

"In KKDW itself, especially in the Community Development Department (Kemas), we have various development and entrepreneurship programmes to advance women, such as 'Quick Win,'" she said.

Rubiah was speaking at a Madani gathering in conjunction with the 2023 'Sentuhan Kasih Desa Terengganu' programme in



Rubiah (right) visits a stall during the programme in Bandar Al Muktafi Billah Shah. — Bernama Photo

Bandar Al-Muktafi Billah Shah, here yesterday.


Also present were Kemas director-general Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi and Terengganu Kemas director Dr Faridah Mat.

Earlier, Rubiah participated in a morning exercise session with 5,000 women from around the district.

Rubiah said the government is also targeting a 30 per cent participation of women in

professional fields in the future.

She believed the target is achievable in the near future with the opportunities, space and assistance provided by the government to women. — Bernama



TAJUK : VOLUNTEERS TREAT UNDERPRIVILEGED KIDS TO A FUN DAY AT BELAWAI BEACH

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Volunteers treat underprivileged kids to a fun day at Belawai beach

SIBU: Lions Club of Sibuan, University of Science and Technology Young Lions Club and Borneo United Transport Co Ltd recently took children from the Destiny for Children Association Sibuan (DFC) to Belawai beach.

The aim of the programme was to create a fun activity for the children, while helping them understand the importance of protecting Earth through beach clean-up, a press statement said.

DFC principal Pauline Jaban, pointed out that the stateless students who took part in the event, had never seen to the sea, and they were happy to be able to play their part in

protecting Earth during their first experience of watching the sea.


President of the Lions Club of Sibuan, Willie Ling said the event had shown him that there were many children who needed care.

"I just feel that we have to do something to make better memories with them. I am very glad that through this beach cleaning activity, I can teach the children on caring for the environment such as, do not litter, and pick up the rubbish at the beach together with the children," he said.

DFC is a non-profit organisation that provides free classes for underprivileged children.



Ling (left) also takes part in the beach clean-up.



TAJUK : ANWAR: CASH AID IS TO HELP RAKYAT

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 04

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Anwar: Cash aid is to help rakyat

DUNGUN: The special cash assistance announced by the government was to help alleviate the burden of the rakyat and is not an election gift, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said those who accused the government of distributing cash handouts to win votes were tone-deaf and insensitive to the rakyat's plight.

"These are wealthy people who speak without their brains.

"Let me ask you here: do you want the money now or at the next tabling of the Madani Budget, which will be in October?" he asked the audience at the Sentuhan Kasih Desa Terengganu programme in Bandar Al Mukatfi Billah Shah here yesterday.

In response, the audience erupted in unison: "Sekarang!" (Now).

Anwar also said the decision was made after considering the low wages among civil servants which needed to be addressed.

"I admit the salaries of civil servants are low. A prime minister who had governed for 22 years never thought about or studied the need for this.

"The Chief Secretary Tan Sri Zuki Ali told me a committee chaired by me will be formed to look into this matter and will take a long time, up to six months.

"While we are waiting for the results of studies, we decided to give out the assistance now."

Prime Minister
Datuk Seri Anwar Ibrahim

"While we are waiting for the results of studies, we decided to give out the assistance now," Anwar said.

On Thursday, Anwar announced the launch of an initiative whereby the government will be providing RM300 to civil servants of Grade 56 and below, as well as RM200 to pensioners. These payments will be made within the next two weeks.

Communications and Digital Minister Fahmi Fadzil has refuted allegations that the special aid and assistance announced under the Ekonomi Madani initiative were political in nature and distributed in conjunction with the



Meeting the people: Anwar greeting the congregation after Friday prayers at Masjid Sultan Muhammad in Bukit Besar, Kuala Terengganu. — Bernama

six state elections next month.

He said the announcement of the special aid and assistance was made before the campaign period for the six state elections even started.

In the same event, Anwar refuted a claim by former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad, who said Perikatan Nasional, the coalition he is backing, will win five out of six states in the upcoming polls.

Anwar said the outcome will be the opposite, as reflected by the results in the previous 15th General Election (GE15), where

Dr Mahathir lost his deposit.

"In the last GE15, he said he would win 'big' in Langkawi. However, when the results came in, he lost his deposit.


"His votes were so low, not even one-eighth of the total votes. Now, he says they (Perikatan) will win five of the six states.

"Based on his last experience, they will lose the polls."

During the same event held at the Central Terengganu Development Authority (Ketengah) offices, Anwar also announced assistance to the needy through the Rural Development Ministry.

These include RM500,000 for both Kelantan and Terengganu under the Social Amenities Programme, over RM12.5mil for the Hardcore Poor Housing Programme, and RM250,000 for Skills and Career Training Programmes.

Assistance will also be provided for other agencies under the ministry, including Mara, the Rubber Industry Smallholder Development Authority (Risda), Felcra (the Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) and the Orang Asli Development Department (Jako).



TAJUK : PARENTS LODGE REPORT OVER BABY'S DEATH AT SISTER'S PLACE

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 JUL 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Parents lodge report over baby's death at sitter's place

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: A couple has lodged two police reports over the sudden death of their six-month-old son while under the care of a babysitter some two weeks ago.

The victim's mother, Patricia Lau, 32, said her baby, the youngest of four children, died while under the care of the babysitter at the latter's house on July 15.

"I received a phone call on that date at around 1pm from the sitter, while at work in Singapore, telling me that my son was not breathing properly.

"I called my husband, and when he got there, he saw that our son was placed on top of a car boot in front of the nanny's house in an unconscious state," Lau claimed, adding that two of their other children had also been under the care of the sitter since March.

She said her husband, Chew Chin Siong, 33, then brought their son to a nearby private hospital to seek immediate treatment, but the medical staff there broke the bad news that their baby was already dead.


When contacted, Johor Baru South OCPD Asst Comm Raub Selamat confirmed the two reports lodged by the parents, saying the case has been classified as sudden death pending a full post-mortem result.

Chew questioned the sitter's inaction.

"The sitter claimed that they were waiting for an ambulance to come. They should have just brought my son to a clinic after seeing his lips and hands turning blue, instead of doing nothing.

"We have lodged two police reports about this matter on July 15 and 20, hoping to find an answer," he said.

He added that his family would decide on the next course of action after getting the post-mortem report from Hospital Sultan Ismail.



TAJUK :	SEX EDUCATION IN SCHOOL NEEDS SUBSTANCE, SAY STUDENTS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	29 JUL 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Sex education in school needs substance, say students

By **REBECCA RAJAENDRAM**
rebeccagr@thestar.com.my

PETALING JAYA: Increasing the time for reproductive health education may not be enough to stem the tide of underage sexual activity, say students.

Instead, they suggest revamping how the subject is taught in the classroom, to make it more widely understood and factual.

"It should cover not only the physical aspects of sexual and reproductive health, but also delve deeper into the emotional and psychological aspects," said Kong Yong Sin.

The 15-year-old from SMK Tinggi Kluang, Johor, said currently, Form Three students only spend a chapter or two on sexual and reproductive health.

"This condenses anatomy and

physiology, puberty in teenagers, the dangers of sexually transmitted infections (STIs), information about contraception and healthy relationships into a few pages," he said, adding that there is room to dive deeper into these topics.

"I hope that the increased time allocation will allow for a more in-depth exploration of sexual and reproductive health, and teachers will be able to delve into these subjects in their own way, ensuring that we students have a better grasp," said Yong Sin.

On Thursday, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said the government is increasing the amount of class time for reproductive and social health education (PEERS) in schools as a way to address social issues.

The Deputy Prime Minister said certain social problems stemmed

from the fact that teenagers, some as young as 13 years old, were engaging in sexual activities.

PEERS education is currently taught at primary and secondary schools for 30 minutes a week.

Ahmad Zahid said poor sexual and reproductive health knowledge among Malaysian teenagers might have left them unaware of the implications of engaging in sexual activity.

Shaima Amira Sham, 16, said increasing the time for the PEERS would allow the youth to be better informed and to make better decisions.

"Dedicating more time to reproductive knowledge and social health education will increase awareness of what could happen while engaging in sexual activities. This could lead to better decisions by students.

"Teachers would also be able to cover a wider range of topics related to sexual health," said the SMK Convent Kajang student.

Meanwhile, Parent Action Group for Education Malaysia (PAGE) chairman Datin Noor Azimah Abdul Rahim said there is no need to extend the amount of time for PEERS.

What the Education Ministry should instead do is make teaching and learning so engaging that students have no time to think otherwise, she said, adding that the emphasis should be on science and mathematics in English.

Noor Azimah also said the Communications and Digital Ministry should attempt to eliminate access to pornography by students, who spend considerable time on their mobile phones.

"This is where the source (of


the problem) is," she added.

Agreeing with Noor Azimah, family medicine specialist and Universiti Malaya senior lecturer Assoc Prof Dr Nur Amani Ahmad Tajuddin said there is no point increasing the amount of classroom time if the source is not tackled.

"You have to control the content the children are watching on social media," said Dr Nur Amani.

She said that it is on social media that children are the most exposed to pornography, adding that they could also be covertly viewing such material while their parents or elder siblings are engrossed in such content.

Being naturally curious, children will continue surfing the Internet for more information or try out the acts for themselves, she added.



TAJUK : YOU DON'T HAVE TO DO IT ALONE

HARI : SABTU

TARIKH : 29 JUL 2023

tone : POSITIF

AKHBAR : THE STAR

M/SURAT : 10

SEKTOR : KPWKM

You don't have to do it alone

Breast cancer support group helps patients cope with disease

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: What started off as one person's journey to get some support for herself has today changed the lives of countless breast cancer patients and survivors here.

Over 20 years ago, Doris Boo, who at that time had just completed treatment for breast cancer, was looking for a support group in Johor Baru.

"I was looking around for a group of people I could talk to and share my pain and the harrowing experience I was going through.

"But my efforts were not successful, so I tried calling the Breast Cancer Welfare Association in Kuala Lumpur to ask if there was such a group in Johor Baru.

"The answer was in the negative," she said in an interview.

The association, however, told Boo that another cancer patient was hoping to set up such a support group in the state.

"I was introduced to Joyce Ng, who was keen on the idea despite not being from here.

"Later on, we got to know a few more like-minded breast cancer patients and survivors," said Boo, 70.

"We met up regularly to share our feelings and exchange ideas or questions. Basically, our meetings were to offer support to each other.

"From this, we expanded our activities to also include organising roadshows to raise awareness of breast cancer," she added.

Boo said Ng died not long after the support group was set up in 2000.

"We were very sad, but her spirit inspired the rest of us to continue what she had started," she said.

Boo and Ng were among the founders of the Johor Baru Breast Cancer Support Group (JBBCSG).

Today, the non-governmental organisation has over 500 members, including breast cancer patients, survivors and volunteers.

Boo, who is also adviser to the support group, said JBBCSG had to relocate its centre from one place to another for about 14 years.

Finally, it bought a double-storey house at No 12, Jalan Ru, Taman Kebun Teh here.

JBBCSG president Datin Ang Chin Fan, 62, who is also a breast cancer survivor, said the centre has a wellness room where patients can walk in for a free consultation.

"Any breast cancer patient is welcome to talk to our volunteers – some of them are retired nurses and cancer survivors themselves," she said, adding that the wellness room operates every Monday to Friday from 10am to 1pm.

Ang said cancer patients can share what they are going through, ask questions and find out more about possible assistance.

She said the wellness room provides patients, especially those who just got diagnosed, with a



Resourceful efforts: (From right) Boo, Ang and volunteer Lee Lai Peng showing some of the bags made by members of the Johor Baru Breast Cancer Support Group at its centre in Taman Kebun Teh, Johor Baru.



Meaningful touch: Volunteer Callena Ong showing one of the wigs that patients could get for free from them.

safe space to share their concerns.

"Being told you have cancer is not an easy pill to swallow. Here, they can confide in people who understand the disease well.

"It also allows them to ask any question about their condition. This includes talking to their family about the disease," she said.

The centre also has a room where patients can buy prosthetics and bras that are sold at discounted prices.

"Usually, the prosthetics and bras are sold with about a 50%

discount all year round, but in May and October, they will be sold at a much lower price.

"For those having financial problems, they can talk to us and we will give them a bigger discount or even for free.

"Those who are losing hair due to the treatments can also get a wig for free," said Ang.

She added that JBBCSG also provides cancer patients and survivors a space to carry out a wide range of activities to cheer them on.



SMALL STEPS

Big Impact

Nominate **individuals** or **organisations** who have made a positive impact on society.

Ten winners will be selected, and also be in the running for the coveted **Gamuda Inspiration Award** with minimum **RM50,000** grant.

Tell us at sgha.com.my

Nomination closes July 31, 2023.





TAJUK :	'PHONE SCAM': WARGA EMAS RUGI RM635,000		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 JUL 2023	M/SURAT :	01
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

'Phone scam': Warga emas rugi RM635,000

SERIAN: Seorang lelaki warga emas berusia awal 60-an mengalami kerugian RM635,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan telefon atau 'phone scam.'

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak Dato



MANCHA

Mancha Ata berkata, mangsa terdahulu menerima panggilan pada 17 Julai lalu daripada seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak.

Menurutnya, mangsa telah diberitahu bahawa satu akaun bank yang dirampas daripada seorang suspek jenayah telah didaftarkan atas namanya dan waran tangkap telah dikeluarkan ke atasnya untuk disiasat.

"Selepas itu, pada 21 Julai, mangsa dihubungi seorang lagi suspek yang memperkenalkan diri pegawai penyiasat (polis) dan mengarahkan mangsa membuka dua akaun bank baharu dan memindahkan kesemua wangnya ke dalam akaun tersebut.


"Seterusnya mangsa diarahkan memindahkan wang ke akaun-akaun yang diberikan suspek," katanya menerusi satu kenyataan, semalam.

Tambahnya, mangsa telah melakukan 35 transaksi pemindahan wang.

"Keseluruhan wang yang dipindahkan oleh mangsa berjumlah RM635,000 ke enam akaun bank atas nama individu tidak dikenali.

"Malah, mangsa juga diberi amaran agar tidak memberitahu sesiapa berkenaan perkara tersebut," katanya.

Mangsa bagaimanapun hanya menyedari dirinya ditipu setelah memaklumkan kepada adiknya dan laporan polis berhubung kejadian juga telah dibuat.



TAJUK :	KERJASAMA IBU BAPA, GURU PENTING DEMI MASA DEPAN ANAK: DORIS		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 JUL 2023	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Kerjasama ibu bapa, guru penting demi masa depan anak: Doris

SRI AMAN: Kerjasama ibu bapa dan guru penting demi masa depan anak, kata Ahli Parlimen Sri Aman Datuk Seri Doris Sophia Brodie.

Katanya, ramai anak yang berjaya dalam pelajaran merupakan mereka yang sentiasa menerima galakan daripada ibu bapa dan guru, selain pihak sekolah.

"Sebagai ibu bapa, kita perlu memberigalakan kepada anak-anak sehingga berjaya dan jika mereka berjaya nanti kita pasti gembira kerana

tanggungjawab kita sudah terlaksana," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan (SK) Abang Aing Sri Aman 2023 di Dewan Suarah Sri Aman di sini, kelmarin.

Doris menjelaskan ilmu pengetahuan adalah asas kesempurnaan perlu ditimba daripada kecil.

"Tanpa ilmu pengetahuan, sukar bagi hidup anak-anak

kitananti. Kita berharap, anak-anak diberikan pendidikan sempurna akan membantu ibu bapa meningkatkan taraf hidup suatu hari nanti," jelasnya.

Katanya, ibu bapa tidak boleh mengabaikan tanggungjawab memberi pendidikan kepada anak-anak kerana ia merupakan hak mereka.

"Kegagalan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah menggelapkan masa depan generasi muda.

"Tiada alasan untuk

mereka tidak berbuat demikian kerana kini wujud pelbagai kemudahan dan bantuan bagi golongan kurang berkemampuan," katanya.

Dalam pada itu, Doris menyarankan kepentingan bermuafakat dalam kalangan warga guru dan ibu bapa demi kesejahteraan dan kemajuan murid-murid khasnya dan sekolah amnya.

Beliau juga menyatakan sekolah diklasifikasikan sebagai SKM di pedalaman tidak semestinya mempunyai


prestasi murid-murid mundur tetapi boleh sekuat murid lain bersekolah di pekan mahupun kawasan bandar.

"Terpulanglah kepada guru-guru dan ibu bapa bekerjasama melentur anak-anak mereka agar menjadi masyarakat berguna kepada negara suatu hari nanti," jelasnya.

Hadir sama Guru Besar SK Abang Aing Sri Aman Bohan Sajar dan Yang Dipertua PIBG SK Abang Aing Mohamad Siddiq.



APA KHABAR?: Doris beramah mesra bersama dengan ibu bapa setibanya pada Majlis Mesyuarat Agung PIBG SK Abang Aing Sri Aman.



TAJUK :	SURI RUMAH RUGI RM183,000 TERPEDAYA TAWARAN KERJA SAMBILAN DALAM TALIAN		
HARI :	SABTU	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	29 JUL 2023	M/SURAT :	02
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Suri rumah rugi RM183,000 terpedaya tawaran kerja sambilan dalam talian

BINTULU: Seorang suri rumah berumur pertengahan 40-an di bahagian ini menjadi mangsa penipuan tawaran kerja sambilan dalam talian tidak wujud sehingga mengalami kerugian RM183,000.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak DCP Dato Mancha Ata berkata, kejadian itu berlaku pada 18 Julai lalu semasa mangsa berada di rumahnya, mangsa mendapati namanya (pada WhatsApp telefon bimbitnya) telah dimasukkan ke dalam kumpulan "WhatsApp Group Equity Builders B13" oleh individu tidak dikenali yang memperkenalkan diri sebagai Sarah (suspek).

Katanya, suspek kemudian menawarkan kerja sambilan dalam talian dengan syarat mangsa perlu membuat tugas dalam talian iaitu perlu 'Like, Follow' Akaun Tik Tok yang diberikan serta membuat tangkapan layar dan menghantar gambar tersebut kepada suspek.

"Seterusnya, mangsa telah dihubungi oleh suspek secara peribadi melalui Aplikasi Telegram dan suspek telah memberikan mangsa satu pautan <https://Equitybuilders.Pacificgn.Tech> untuk membeli pakej "Task Online," katanya dalam kenyataan media kelmarin.

Beliau berkata, mangsa kemudian diminta membuat pembayaran dan telah melakukan 16 kali transaksi pembayaran ke dalam lima akaun bank yang berbeza sekitar bulan Julai 2023 selepas dijanji pulangan lumayan sehingga mangsa mengalami kerugian sebanyak RM183,000.

Ujarnya, sehingga kini mangsa hanya menerima pulangan sebanyak RM300 dan menyedari telah ditipu apabila tidak mendapatkan wang pulangan komisen seperti dijanjikan suspek.

Justeru, beliau menasihati masyarakat agar tidak mudah tertarik dan terpedaya dengan sesuatu tawaran kerja sambilan atas talian melalui media sosial yang menawarkan gaji lumayan serta menyediakan pelbagai kemudahan seperti komisen dan pulangan wang tinggi, bayaran kerja lebih masa dan sebagainya.

Katanya, orang ramai dinasi-

hati agar tidak melayan panggilan telefon yang tidak dikenali, namun sekiranya ada menerima panggilan itu beritahu pasangan, rakan atau ahli keluarga berkenaan dengannya.

Selain itu katanya, orang ramai disarankan agar tidak mudah panik atau cemas dan takut dengan sebarang dakwaan dibuat ke atas diri sekiranya tidak melakukan apa-apa kesalahan.

"Orang ramai boleh menghubungi National Scam Response Center (NSRC) di talian 997 sekiranya menjadi mangsa penipuan siber (Phone Scam, Love Scam, E-Dagang, pinjaman tidak wujud dan sebagainya) atau sekiranya baharu membuat transaksi pemindahan wang ke mana-mana akaun bank atau e-dompot suspek," jelasnya.


Pada masa sama katanya, disarankan untuk memuat turun aplikasi Whoscall melalui Google Play Store atau Apple Store untuk membantu membuat keputusan sama ada mahu menjawab panggilan telefon yang diterima atau sebaliknya.

Beliau berkata, kerjasama antara Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan pembangun aplikasi Whoscall membolehkan nombor telefon yang tersenarai dalam pangkalan data sistem Semak Mule JSJK akan ditandakan sebagai Scammer oleh Whoscall.

Menurutnya, orang ramai juga boleh mengimbas QR Code Scan Me untuk mendapatkan maklumat terkini tentang Modus Operandi Jenayah Komersil di akaun media sosial rasmi JSJK dan E-Book Jenayah Komersil.

"Boleh buat semakan nombor telefon dan akaun bank suspek melalui aplikasi Check Scammers CCID atau melalui laman sesawang <http://semakmule.rmp.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi kewangan.

"Layari akaun rasmi media sosial Jabatan Siasatan Jenayah Komersil @JSJKPDRM dan @CybercrimealertRMP melalui Facebook, Instagram dan Tik Tok untuk mendapatkan maklumat modus operandi terkini penipuan," tambahnya.



TAJUK : **TEKAD USAHA, OKU PENGLIHATAN KINI MILIKI TIGA CAWANGAN PUSAT REFLEKSOLOGI**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **UTUSAN BORNEO (SARAWAK)**

TARIKH : **29 JUL 2023**

M/SURAT : **06**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

Tekad usaha, OKU penglihatan kini miliki tiga cawangan pusat refleksologi

KUCHING: Siapa sangka, seorang orang kelainan upaya (OKU) penglihatan, Isak Ngau kini mampu memiliki tiga cawangan pusat urut atau refleksologi sendiri.

Isak yang telah menubuhkan pusat urut orang buta miliknya iaitu Isak Blind Massage Services di sebuah rumah kedai di Batu Lintang pada tahun 2014 sebagai langkah pertama dalam perkhidmatan urut orang buta, kini mempunyai tiga lagi cawangan semuanya di pusat beli-belah di bandar raya ini.

Beliau yang hilang penglihatan disebabkan penyakit glaukoma ketika usia 14 tahun tidak menyangka beliau akan menjadi seorang pengusaha kedai urut yang berjaya dan mampu menyediakan peluang pekerjaan bagi golongan senasib dengannya.

"Dengan bertambahnya cawangan kedai, peluang pekerjaan juga semakin bertambah sekali gus meningkatkan jumlah pekerja kepada seramai 18 orang di bawah saya kini.

"Pada awalnya saya mempunyai seramai lima pekerja OKU penglihatan diambil bekerja di pusat urut yang pertama iaitu di kawasan Batu Lintang," katanya kepada Utusan Borneo di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, selepas penubuhan pusat urutnya yang pertama, timbul idea untuk membuka cawangan baharu demi menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU penglihatan lain.

Maka pada tahun 2015, beliau berjaya menubuhkan cawangan pertamanya iaitu di pusat beli-belah Sarawak Plaza.

"Selepas itu, saya mula menubuhkan cawangan kedua saya di pusat beli-belah Plaza Merdeka pada tahun 2019 iaitu sebelum pandemik COVID-19 melanda.

"Terbaharu saya menubuhkan satu lagi cawangan iaitu yang ketiga di Matang Mall dan sekarang menerusi



BANGGA: Isak menunjukkan lesen pendaftaran perniagaan yang telah didaftarkan pada 14 Julai 2014 dan kini memiliki tiga cawangan lain.

kesemua cawangan itu saya mempunyai 18 pekerja di mana 16 adalah sepenuh masa dan dua lagi kerja sambilan.

"Apa yang mengembirakan saya adalah saya menyediakan peluang kepada rakan senasib saya yang terdiri dari pelbagai kaum iaitu Melayu, Kenyah, Iban, Kayan, Kelabit, Bidayuh dan Melanau," katanya.

Katanya, beliau mendapat kemahiran mengurut seawal usia 18 tahun di pusat latihan bagi orang buta Malaysia di Semenanjung pada tahun 1995, selepas beliau menamatkan latihan setahun bekerja di sekitar bandar raya Kuala Lumpur.

"Pada tahun 2002, saya telah mendapat peluang menjadi tenaga pengajar namun setelah 15 tahun mengajar dalam bidang kemahiran urut dan refleksologi, saya mengambil keputusan untuk berhenti dan balik ke Sarawak.

"Dua tahun sebelum saya berhenti sebagai tenaga pengajar dan mengusahakan satu kedai urut di kawasan Batu Lintang," katanya.



KEYAKINAN: Industri urut yang dipelopori golongan OKU penglihatan kini semakin diterima baik masyarakat.

Hasil daripada usaha beliau yang mengadakan latihan percuma, malah sering mengadakan kursus jangka pendek bagi meningkatkan pengetahuan dalam kalangan juru urut, ramai pengamal urut yang telah diberi pengetahuan dan dilengkapkan dengan kemahiran urut yang berkelayakan.

Sama seperti perniagaan lain, Isak juga menghadapi cabarannya tersendiri dalam menyediakan perkhidmatan dan peluang pekerjaan menerusi pusat urutnya.

Beliau katanya, tidak mendapat bantuan khusus daripada pihak kerajaan sebaliknya mengambil pendekatan mengusahakannya sendiri dengan sumber kewangan yang terhad.

Dengan kemampuan dan kebolehannya, tidak mustahil impian Isak akan tercapai untuk menambahkan lagi cawangan kedai urut di bandar-bandar utama negeri Sarawak.

Tambahan pula, beliau merupakan tenaga pengajar di pusat latihan orang buta Sarawak pada ketika ini.

Isak berpegang kepada prinsip sentiasa ingin berbahagi ilmu kemahiran urut selagi diperlukan dan ingin mewujudkan peluang-pel-



KOMITED: Isak yang mengusahakan pusat urutnya sendiri iaitu Isak Blind Massage Services kini memiliki tiga cawangan lain dengan 18 pekerja.

uang pekerjaan bagi golongan sesama OKU.

"Industri urut yang diceburi oleh golongan OKU penglihatan sudah diterima baik masyarakat, hal ini kerana pengamal urut OKU penglihatan Sarawak sangat terlatih dan memiliki sijil yang diiktiraf.

"Kesannya, pendapatan golongan ini semakin bertambah seterusnya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup," katanya.